

→KEBAKARAN

Percikan api punca bangunan KWSP terbakar

➔ Kebakaran babit bahagian luar ketika kerja ubah suai di tingkat satu



Api marak pada bahagian dinding bahagian luar bangunan KWSP, Jalan Gasing, di Petaling Jaya semalam.

Oleh Kalbana Perimbanayagam dan Mohd Hasbi Sidek
bhnews@bh.com.my

➔ Petaling Jaya

Kebakaran bangunan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dekat sini berpunca daripada percikan api ketika kerja pengubahsuaian di tingkat satu yang terkena panel tingkap yang mudah terbakar.

Difahamkan, kebakaran hanya membabitkan bahagian luar bangunan iaitu dinding bangunan, bagaimanapun bahagian dalam bangunan di tingkat enam terbakar hanya kira-kira tiga peratus.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Soiman Jahid, ber-

kata tiada yang cedera dalam kebakaran itu.

"Sebenarnya, untuk makluman semua, kebakaran ini bukan berlaku dalam bangunan atau isi bangunan. Ia hanya membabitkan dinding di bahagian luar yang merebak daripada tingkat satu.

Bahan panel mudah terbakar

"Siasatan awal yang kami buat mendapati ada kerja pengubahsuaian di tingkat satu yang menyebabkan percikan api sebelum terkena pada panel tingkap. Kami mendapati bahan panel berkenaan mudah terbakar," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian.

Bomba menerima panggilan pada jam 11.52 pagi sebelum pasukan dari Balai Bomba dan Penyelamat () Petaling Jaya dengan kekuatan 70 anggota dan pegawai bergegas ke lokasi.

Soiman berkata, keadaan cuaca menjadi faktor api merebak cepat ke hampir keseluruhan dinding selain material yang digunakan untuk membuat panel tingkap daripada bahan mudah terbakar.

"Siasatan juga mendapati kebakaran dalam bangunan di tingkat enam yang membabitkan fail, namun kami difahamkan, dokumen berkenaan tidak penting bagi agensi ini (KWSP)," katanya.

Timbalan Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Superintendan Ku Mas-hariman Ku Mahmood, berkata 527 kakitangan di bangunan itu selamat dan tiada kecederaan atau kemalangan jiwa dilaporkan.

"Polis membantu bomba untuk mengumpulkan semua staf di satu kawasan lapang. Kami mendapati jumlah pekerja cukup," katanya.

Sementara itu, KWSP dalam kenyataannya berkata, cawangan

dan pejabatnya di sini ditutup sementara susulan kebakaran itu, semalam.

Justeru, ahli dan majikan yang mahu berurusan dengan KWSP dinasihatkan untuk menghubungi atau mengunjungi cawangan KWSP terdekat iaitu di ibu pejabat KWSP Jalan Raja Laut, di Kuala Lumpur.

Integriti maklumat tak terjejas

KWSP turut memberi jaminan kepada ahlinya bahawa integriti maklumat dan simpanan mereka tidak terjejas.

"Pasukan Pengurusan Krisis Cawangan kini sedang bekerjasama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk memastikan kebakaran tidak merebak ke tingkat lain atau kawasan sekitar," kata kenyataan itu.

Dalam pada itu, seorang kakitangan yang baru sampai ke ka-

wasan parkir pejabat ketika kebakaran itu berkata, tangannya menggeletar ketika cuba merakam video kebakaran di bangunan itu.

"Saya tiba dalam kawasan bangunan kira-kira jam 11.50 pagi dan meletakkan kenderaan. Ketika keluar saya mendapati api marak di bahagian luar bangunan.

"Saya tergamam kerana sedang berdiri di hadapan pejabat sendiri yang sedang dijilat api sebelum menghubungi rakan di jabatan tempat saya bekerja untuk memaklumkan kejadian itu," katanya yang tidak mahu dikenali ketika ditemui di tempat kejadian.

Lelaki berusia 50-an itu berkata, ketika menghubungi rakan di tingkat atas, kebanyakan mereka masih tidak sedar kejadian itu, sebelum dia meminta mereka memaklumkan kepada yang lain untuk turun ke kawasan selamat.

KES BUDAK DIPAKSA MINUM AIR MENGELEGAK

Polis tunggu laporan perubatan HKL

Kuala Lumpur: Sebarang tindakan susulan oleh polis berhubung kes seorang kanak-kanak dipercayai dipaksa minum air mendidih, akan dibuat sebaik memperoleh laporan perubatan.

Setakat ini Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Nilai, Negeri Sembilan, masih menunggu keputusan ujian perubatan dari Institut Pediatrik, Hospital Kuala Lumpur (HKL) yang dijangka dikeluarkan dalam masa terdekat.

Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Zaldino Zaludin, berkata siasatan kes berkenaan dijalankan mengikut peruntukan undang-undang yang ditetapkan.

"Polis sudah merakam percakapan kanak-kanak berkenaan (mangsa), namun kami tidak dapat

memberikan butiran lanjut sehingga keputusan laporan perubatan dikeluarkan.

"Ingin saya tegaskan, apabila laporan polis dibuat ibu kandung mangsa, kertas siasatan dibuka dan dijalankan pegawai penyiasat," katanya ketika dihubungi semalam.

Siasatan ikut prosedur

Beliau berkata, pihaknya sentiasa memandang serius kes seperti itu, namun dijalankan mengikut prosedur ditetapkan bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian, sebelum sesuatu tindakan susulan dibuat.

"Antara perkara yang perlu diteliti adalah pengesahan pegawai perubatan, sama ada mangsa be-

nar-benar dipaksa minum air yang mendidih sehingga dia melecur atau disebabkan penyakit seperti ulser dan mungkin juga disebabkan kekurangan air.

"Perkara ini adalah penting bagi memastikan siasatan dan tindakan susulan dibuat secara tepat tanpa keraguan," katanya.

Zaldino berkata, selagi laporan perubatan belum dikeluarkan beliau enggan mengulas butiran terperinci mengenai sebarang tindakan awal pihaknya kerana dikhuatiri boleh menjejaskan siasatan.

Ketika ini, siasatan kes terbabit dijalankan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Dalam kejadian Isnin minggu lalu, mangsa pelajar sebuah se-

kolah kebangsaan di Lenggeng, Negeri Sembilan, melecur pada keseluruhan bahagian bibir selepas dipercayai dipaksa minum air panas yang masih mengelegak oleh ibu tirinya.

Kejadian dipercayai berlaku sehari selepas ibu kandungnya menghantar mangsa yang juga anak bongsu daripada empat beradik pulang ke rumah bekas suaminya di Lenggeng.

Ibu kandung mangsa, Nurul Dahlia Jaafar, berkata kejadian berkenaan disedarinya ketika dia mengambil anaknya dari rumah adik bekas suaminya jam 12.30 tengah hari, Jumaat lalu.

Nurul kemudian membawa anaknya ke HKL sebelum membuat laporan polis.



Antara perkara yang perlu diteliti adalah pengesahan pegawai perubatan, sama ada mangsa benar-benar dipaksa minum air yang mendidih sehingga dia melecur atau disebabkan penyakit"

Zaldino Zaludin,
Ketua Polis Daerah Nilai